

GOLDEN GATE BRIDGE

11 HARI 8 MALAM WEST COAST USA

Los Angeles - Hollywood - Barstow - Las Vegas - Hoover Dam - Grand Canyon - Yosemite National Park - San Francisco

HARGA FIESTA

ALL-IN
RM 12,490

WARGA EMAS

ALL-IN
RM 12,390

MUSIM

Musim Panas Jun - Ogos
Musim Sejuk Nov - Mac



MATAWANG

US Dolar 1 \$ = RM4.07



PERBEZAAN WAKTU

West Coast USA : -16 JAM



HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
LOS ANGELES	3	Anaheim Fullerton Hotel / setaraf
LAS VEGAS	2	Excalibur Hotel / setaraf
FRESNO	1	Radisson Fresno / setaraf
SAN FRANCISCO	2	Double Tree by Hilton SFO Airport / setaraf

YOSEMITE NATIONAL PARK



HARI 1 KUALA LUMPUR – SHANGHAI – LOS ANGELES



Berkumpul di Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Los Angeles melalui Shanghai. Selibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles, tetamu akan dibawa untuk melawat kotaraya Los Angeles. Lawatan dimulakan di **Santa Monica** dan **Santa Monica Pier** - taman tema yang menjadi daya tarikan unik para pelancong dengan ferris wheel dan carousell. Seterusnya tetamu akan dibawa ke **Downtown LA** yang menempatkan **LA Live** dan **Staples Centre**. Tetamu juga sempat meluangkan masa bergambar dan mengagumi senibina **Walt Disney Concert Hall**, bangunan ikonik reka arkitek terkenal Frank Gehry; bersiar-siar di **Los Angeles Chinatown** yang menjadi tumpuan pelbagai restoran Asia. Daftar masuk hotel dan rehat/aktiviti bebas. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

HARI 2 LOS ANGELES - HOLLYWOOD



Sarapan pagi di hotel. Memulakan lawatan di tarikan-tarikan utama sekitar kota ternama **Hollywood** seperti di **Hollywood Boulevard** di mana menempatkan tarikan utama seperti **Hollywood Walk of Fame** yang menempatkan 2,500 nama bintang-bintang Hollywood termasuklah Michael Jackson, Mickey Mouse, Marilyn Monroe, Clint Eastwood, Jackie Chan dan ramai lagi; **Kodak Dolby Theatre** yang merupakan auditorium terkenal berlangsungnya Oscar Academy Awards, American Idol dan America's Got Talent; **TCL Grauman's Chinese Theatre** yang sering menjadi lokasi tayangan perdana filem baru Hollywood seperti Star Wars malah tarikan utama di lamannya ialah bentuk tangan dan kaki artis terkenal Hollywood; **Capitol Records Building** yang seperti piring hitam disusun bertingkat; di samping tarikan lain seperti Madame Tussauds Hollywood, Guinness World Records Museum dan banyak lagi. Tidak ketinggalan juga melawat **Hollywood & Highland Center** untuk mengambil foto berlatarbelakangkan papan tanda **Hollywood** yang terkenal di atas **Mount Lee**. Seterusnya lawatan panorama melepasi jalan Rodeo Drive yang dianggap sebagai lokasi membeli-belah tercantik dan termahal di Hollywood bagi golongan 'super' kaya, **Sunset Strip Boulevard** dan juga melepasi kawasan perumahan **Beverly Hills** yang menjadi lokasi kediaman bintang-bintang seperti Charlie Chaplin, George Clooney, Madonna, Diana Ross, Jennifer Aniston dan ramai lagi. Bersolat di **Islamic Center of Southern California** yang merupakan antara masjid terbesar di US yang dibina pada tahun 1952 dan sering menganjurkan program-program keagamaan kepada masyarakat setempat. Membeli-belah di **Citadel Outlets** yang menempatkan pelbagai butik dan kedai jenama terkenal dengan harga yang tersangatlah berpatutan. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

HARI 3 LOS ANGELES



Sarapan pagi di hotel. Aktiviti bebas sepanjang hari di mana tetamu boleh membeli sendiri lawatan tambahan contohnya melihat lokasi penggambaran filem sambil berhibur antaranya seperti ke **Disneyland Resort**, **Universal Studios Hollywood**, **Warner Bros Studio Tour**, **Paramount Pictures Studio Tour** atau mungkin ada yang berminat untuk eksplorasi **Natural History Museum** untuk bertanya khabar dengan dinosaur T-Rex. Mahu cuba makanan dan buah-buahan di sini? Boleh pergi ke **The Original Farmers Market**. Anda bebas untuk aktiviti anda sendiri!

NOTA PENTING: Lawatan-lawatan ini tidak termasuk di dalam harga pakej yang ditawarkan.

HARI 4 LOS ANGELES – BARSTOW – LAS VEGAS



Selepas bersarapan pagi di hotel, bertolak menuju ke Barstow di mana terletaknya **Outlet at Barstow** yang sangat terkenal sebagai lokasi membeli-belah barangan jenama terkenal antarabangsa seperti Coach, Polo Ralph Lauren, Michael Kors, Guess dan banyak lagi dengan harga diskaun yang cukup lumayan. Meneruskan perjalanan ke kota **Las Vegas**. Selibanya di sana, bersolat di **Masjid Tawheed** yang juga merupakan pusat komuniti Islamic Association of Las Vegas yang banyak berakhlak dengan penduduk setempat tentang Islam dan membetulkan pandangan umum tentang Muslim itu penganas. Daftar masuk hotel dan anda akan dibawa untuk bersiar-siar untuk menjarah sekitar kota ini terutamanya di sepanjang jalan yang dikenali dengan nama **The Strip**. Antara tarikan terkenal seperti **Bellagio Resort Fountain Show** yang menjadi ikon kota ini, **MGM Grand Hotel**, **Paris Hotel (Eiffel Tower)**, **Venetian Hotel** yang terkenal dengan Venetian Gondola Ride, **Caesar's Palace**, **High Roller Ferris Wheel**, **Stratosphere Tower**, **Madame Tussaud** dan bermacam lagi. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

HARI 5 LAS VEGAS – HOOVER DAM – GRAND CANYON



Bersarapan pagi di hotel. Bertolak menuju ke **Hoover Dam** yang merupakan sebuah empangan **Lake Mead** setinggi 726 kaki tinggi yang menyimpan pelbagai kisah antaranya 100 kematian dicatatkan ketika membinaanya. Perjalanan ini juga akan melepasi perkampungan kecil yang dikenali sebagai Boulder City yang menawarkan pemandangan panorama **Lake Mead**. Sambung perjalanan menuju ke **Grand Canyon West** yang menjadi tarikan utama pelancong ke Arizona. Tetamu akan dibawa ke **Eagle Point Skywalk Bridge** untuk menikmati pemandangan kaki ngarai **Grand Canyon** berwarna-warni setinggi 4,000 kaki di sini yang cukup mengujakan. Di sini juga tetamu boleh mengenali dengan lebih dekat budaya etnik Red Indian Hualapai, Navajo dan Hopi di **Native American Village** yang menempatkan rumah tradisi mereka berbentuk segitiga. Di sini juga terdapat **Hualapai Market** sekiranya anda ingin membeli cenderamata berbentuk kraftangan buatan mereka. Tetamu juga boleh membeli lawatan tambahan mengelilingi Grand Canyon



GRAND CANYON SKYWALK

dengan menaiki helicopter, pastinya satu pengalaman yang cukup berlainan. Pulang semula ke Las Vegas, anda akan dibawa melawat kawasan Downtown Las Vegas yang menempatkan **Fremont Street Experience**, sebuah gedung hiburan yang terkenal dengan pertunjukan Space Frame LED di samping menjadi lokasi penggambaran pelbagai filem Hollywood seperti James Bond: Diamonds Are Forever, Viva Las Vegas lakonan Elvis Presley dan lokasi kegemaran ahli silap mata Criss Angel. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

**HARI 6
LAS VEGAS – FRESNO**



Sarapan pagi di hotel dan bertolak menuju ke **Fresno**. Fresno adalah sebuah bandar di Lembah San Joaquin California. Dicipta pada awal tahun 1900-an. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

**HARI 7
FRESNO – YOSEMITE NATIONAL PARK – SAN FRANCISCO**



Setelah bersarapan pagi di hotel, bertolak menuju ke salah satu taman negara yang paling cantik dan terkenal di US iaitu **Yosemite National Park**. Tetamu akan dibawa menyusuri taman ini untuk melihat keindahan air terjun **Yosemite Falls** yang setinggi 1430 kaki, **Half Dome Granite**, formasi batuan terkenal **El Capitan**, **Tunnel View** dan **Bridalveil Fall**. Seterusnya bertolak menuju ke San Francisco. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

**HARI 8
SAN FRANCISCO**



Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa melawat tarikan-tarikan utama di bandaraya **San Francisco** ini seperti **Nob Hill** yang terkenal sebagai lokasi terbaik untuk mengambil foto ikon San Francisco, **Golden Gate Bridge**; **Twin Peaks** yang menawarkan pemandangan panorama indah seluruh kota ini; melepasi **Lombard 'Crooked' Street** yang unik laluannya (namun bukan dibina untuk laluan bas); membeli-belah di **Union Square** dan **Pier 39**. Menziarahi dan bersolat di Masjid Darussalam yang terletak di tengah kota, juga sebagai pusat komuniti Islamic Society of San Francisco. Kemudian tetamu dibawa berfoto di **Palace of Fine Arts** dan bersiar-siar di lokasi paling terkenal untuk pelancong iaitu **Fisherman's Wharf** yang menempatkan antaranya **Madame Tussaud**, **Ghirardelli Square** kapal selam **USS Pampanito** dan **Maritime National Historic Park**. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

**HARI 9
SAN FRANCISCO – SHANGHAI**

Sarapan pagi di hotel. Daftar keluar sebelum bertolak menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa San Francisco untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

**HARI 10 - 11
SHANGHAI – KUALA LUMPUR**

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



9 Sep | 9 Dis 2019



中國東方航空
CHINA EASTERN

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM12,990	RM16,390	RM11,990	RM11,290	RM10,790
Warga Emas	RM12,690	RM16,090			
FIESTA	RM12,490	RM15,890	RM11,490	RM10,790	RM10,290
Warga Emas	RM12,390	RM15,790			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	MU 9862	K. LUMPUR - SHANGHAI	0210	0740
01	MU 583	SHANGHAI - LOS ANGELES	1300	1005
09	MU 590	S. FRANCISCO - SHANGHAI	1200	1630+1
10	MT 9861	SHANGHAI - K. LUMPUR	1915	0110+1

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Hotel penginapan 8 malam di hotel bertaraf 4* (rujuk senarai hotel yang ditawarkan).
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesa dan lawatan seperti aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Grand Canyon Skywalk Bridge dan Yosemite National Park.
- Urusan visa memasuki USA.
- Perkhidmatan pemandu pelancong yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Dua Bagasi 23kg, dan Bagasi Kabin 7kg.

Pakej Tidak Termasuk

- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurance kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam waktu perlepasan)
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.



HOLLYWOOD



LAS VEGAS